

Bantuan **kedua** ke Kelantan

■ Perbadanan Putrajaya hantar terus ke pusat pemindahan

Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) menghantar sepuluh tan bantuan barangan dan makanan keperluan kepada mangsa banjir di Kelantan menerusi Misi Amal Bantuan Banjir Pantai Timur.

Ini kali kedua diadakan selepas penghantaran barangan dan makanan keperluan 12 tan menerusi misi bantuan yang dilaksanakan ke Gua Musang dan Kuala Krai sebelum ini.

Presiden PPj Tan Sri Aseh Che Mat berkata, pihaknya menghantar terus barangan berkenaan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Machang 2



ASEH (tengah) bersama sukarelawan pada majlis pelepasan misi bantuan mangsa banjir.

FAKTA
Bantuan barangan keperluan, makanan sumbangan penduduk Putrajaya

yang dijadikan sebagai pusat pemindahan kepada mangsa banjir.

“Bantuan barangan keperluan dan makanan ini adalah sumbangan daripada penduduk Putrajaya yang prihatin dengan masalah menimpa mangsa banjir di negeri ber-

kenaan.

“Menerusi sumbangan ini menunjukkan penduduk Putrajaya memahami masalah dihadapi mangsa ekoran banjir ini selain berdoa mereka diberikan ketabahan menghadapi ujian ini,” katanya pada sidang media pelepasan Misi Amal Bantuan

Banjir Pantai Timur di sini, semalam.

Bantuan berkenaan dihantar menggunakan dua lori selain tiga van dan satu kenderaan pacuan empat roda.

Pelaksanaan misi itu adalah anjuran PPj dengan kerjasama Majlis Perwakilan

Penduduk Putrajaya serta sukarelawan pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Seramai 80 sukarelawan menyertai misi bantuan kali ini membabitkan kakitangan PPj, wakil penduduk serta pelajar UPM.

Dalam pada itu, Aseh ber-

kata, misi berkenaan diadakan berterusan bagi membantu mangsa banjir di negara ini.

“Kami melaksanakan usaha membantu mangsa banjir dan diharap misi ini menjadi contoh kepada pihak lain untuk terus sumbangan,” katanya.